



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

FORUM KEBAJIKAN HAIWAN 2026: PERKUKUH TADBIR URUS DAN KERJASAMA STRATEGIK KE ARAH PEMBANGUNAN KEBAJIKAN HAIWAN YANG LESTARI

PUTRAJAYA, 14 Julai - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) melalui Bahagian Regulatori Veterinar dengan kerjasama strategik A World of Good Initiative Inc. telah menganjurkan Forum Kebajikan Haiwan 2026 (Animal Welfare Forum 2026) pada 14 hingga 15 Julai 2026 di Putrajaya.

Forum ini menyediakan platform penting untuk memperkuat tadbir urus kebajikan haiwan, memperluas perkongsian ilmu serta merapatkan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa dalam usaha meningkatkan standard kebajikan haiwan di Malaysia dan rantau Asia Pasifik.

Forum selama dua hari ini menghimpunkan wakil daripada agensi kerajaan, institusi akademik dan organisasi antarabangsa untuk membincangkan perkembangan semasa, cabaran baharu dan pendekatan praktikal dalam mempertingkatkan kebajikan haiwan secara mampan.

Antara topik utama yang diketengahkan termasuk kepentingan tadbir urus kebajikan haiwan yang berkesan, pelaksanaan strategi kebajikan haiwan di rantau Asia Pasifik, konsep One Welfare, kesejahteraan komuniti, cabaran kebajikan haiwan ternakan, kebajikan unggas serta kebajikan dalam sektor akuakultur.

Selain DVS, forum ini turut menampilkan barisan penceramah terkemuka dari dalam dan luar negara termasuk pakar daripada kerajaan Australia, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH), *World Federation for Animals* institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.

Menurut YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, kebajikan haiwan bukan lagi isu sampingan, sebaliknya merupakan komponen penting dalam pembangunan masyarakat moden yang berteraskan nilai ihsan, kemampanan dan tanggungjawab bersama.

Beliau berkata, pelaksanaan amalan kebajikan haiwan yang baik mempunyai kaitan rapat dengan kesihatan awam, keselamatan dan keterjaminan makanan, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan komuniti sejajar dengan pendekatan *One Health* dan *One Welfare* yang dipromosikan di peringkat antarabangsa.

Selaras dengan pandangan dan piawaian yang diketengahkan oleh WOAHA, kebajikan haiwan yang baik bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan haiwan, malah menyumbang kepada sistem pengeluaran makanan yang lebih mampan, produktif dan berdaya tahan.

Malaysia mencatatkan permintaan yang tinggi terhadap sumber protein berasaskan haiwan, khususnya daging ayam dan daging lembu. Seiring dengan peningkatan permintaan domestik, negara masih bergantung kepada sumber import bagi memenuhi sebahagian keperluan bekalan daging lembu. Justeru, pembangunan industri pengeluaran makanan berasaskan haiwan yang mampan, produktif dan berdaya tahan perlu terus diperkukuhkan melalui pelaksanaan amalan kebajikan haiwan yang baik dan berasaskan sains.

Ketua Pegawai Eksekutif A World of Good Initiative Inc., Dr. Michelle Sinclair berkata bahawa usaha berterusan Malaysia dalam memperkukuh pelaksanaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 memerlukan pembuat dasar dan pihak berkepentingan sentiasa didedahkan kepada perkembangan terkini serta amalan terbaik kebajikan haiwan di peringkat global.

Menurut beliau lagi, penyertaan pakar-pakar terkemuka dunia dalam forum ini memberi peluang kepada Malaysia untuk berkongsi pengalaman, memperkukuh jaringan kerjasama, memperoleh input berasaskan sains dan bukti dalam pembangunan dasar dan pelaksanaan kebajikan haiwan.

Sejajar dengan aspirasi Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Malaysia 2021–2030, forum ini diharapkan dapat menyokong usaha penambahbaikan berterusan dalam aspek tadbir urus, pematuhan dan pelaksanaan kebajikan haiwan di negara ini melalui pendekatan sains, inovasi dan kerjasama strategik.

Selain sesi pembentangan, forum ini turut menyediakan ruang perbincangan kumpulan berfokus bagi mengenal pasti jurang pelaksanaan dan merangka penyelesaian kolaboratif dalam aspek dasar, penguatkuasaan, kesedaran awam serta pembangunan infrastruktur berkaitan kebajikan haiwan.

Forum Kebajikan Haiwan 2026 telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada organisasi antarabangsa A World of Good Initiative Inc. dalam menjayakan penganjuran program ini. Kerjasama tersebut mencerminkan komitmen Malaysia untuk memperkukuh tadbir urus kebajikan haiwan melalui pembangunan dasar dan amalan yang berasaskan pembuktian sains serta selaras dengan piawaian antarabangsa.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia merakamkan penghargaan kepada semua penceramah, peserta, rakan strategik dan jawatankuasa penganjur yang telah menyumbang kepada kejayaan penganjuran forum ini. Diharapkan hasil perbincangan dan jaringan kerjasama yang terjalin akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan kebajikan haiwan di Malaysia serta meletakkan negara sebagai antara peneraju kebajikan haiwan di rantau Asia Tenggara.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Seksyen Kebajikan Haiwan

Bahagian Regulatori Veterinar

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

animalwelfare@dvs.gov.my

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
14 JULAI 2026**



